

MOTIF PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN GURU MEMILIH PROFESION PERGURUAN SEBAGAI KERJAYA

Saiful Anuar Alias & Meor Aris Meor Hamzah
Jabatan Pengajian Sosial

Abstrak

Profesion perguruan merupakan jentera utama bagi memastikan pelaksanaan segala dasar dan sistem pendidikan yang berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dapat direalisasikan dengan peranan besar yang dipikul oleh guru-guru. Guru yang berkualiti perlu memiliki kelulusan akademik, latihan, pengalaman, kepakaran dalam bidang yang diajar, pengetahuan pedagogi dan isi kandungan, inovasi pengajaran dan kreatif dalam penggunaan kaedah pengajaran yang berkesan. Oleh itu, pemilihan calon guru untuk mengikuti latihan perguruan perlu memiliki ciri-ciri kualiti sebagai seorang pendidik. Kajian ini bertujuan mengenal pasti motif pemilihan profesion perguruan dalam kalangan pelajar-pelajar program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Seramai 126 pelajar Tahun Tiga Semester 5 Ambilan Januari 2011 terlibat dalam kajian ini. Nilai indeks kebolehpercayaan item dalam kajian rintis ialah 0.871. Data berbentuk deskriptif diperoleh melalui satu set soal selidik yang merangkumi demografi responden dan aspek-aspek motif pemilihan profesion perguruan. Penganalisisan data dibuat menggunakan perisian SPSS versi 21.0 untuk mendapatkan nilai min, peratusan dan frekuensi. Dapatan kajian menunjukkan motif altruistik iaitu ciri-ciri profesion perguruan merupakan motif utama pemilihan profesion perguruan. Motif kedua yang mendorong pemilihan profesion perguruan ialah motif intrinsik atau faktor dalaman iaitu persepsi pelajar PISMP bahawa profesion perguruan adalah kerjaya yang mulia. Manakala motif ekstrinsik atau faktor-faktor luaran kurang mempengaruhi pemilihan profesion perguruan dalam kalangan pelajar PISMP.

Kata kunci : Motif, Pemilihan Profesion Perguruan, Institut Pendidikan Guru